

Headline	Akibat terlalu semasa terpaksa sebagai		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Jurnal	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,912



SITI gemar berpelesenan di kelab malam sehingga dia akhirnya terjebak menjadi pelacur.
- Gambar hiasan

Sesal penderita HIV positif

Akibat terlalu mengejar keseronokan semasa zaman remaja, Siti kini terpaksa menghabiskan sisa hidup sebagai seorang penghidap HIV.

Oleh ZURAINI MOHD. KHALID

SESUNGGUHNYA, perjalanan hidup seseorang itu berbeza-beza dan semuanya sudah diatur Tuhan. Sebagai manusia, kita seharusnya sentiasa tabah dalam menerima setiap ujian-Nya.

Bagi Siti (bukan nama sebenar), 26, dia sama sekali tidak menyangka akan menjadi penghidap HIV kerana penyakit itu merupakan antara penyakit yang tiada penawar.

Pertemuan kru *Jurnal* dengan seorang gadis manis yang berasal dari sebuah negeri di utara tanah air petang itu berjalan lancar.

Siti hadir bersama adik perempuannya lalu membuka kisah hitam yang berlaku kira-kira lapan tahun lalu.

Menurut Siti, dia tidak pernah menduga akan ditimpa musibah yang cukup hebat pada usia begitu muda.

Semuanya bermula ketika dia menuntut di sebuah universiti awam di Lembah Klang.

“Saya dilahirkan dalam keluarga sederhana. Bapa bekerja sebagai seorang pegawai tentera, manakala ibu pula merupakan seorang jururawat di sebuah hospital di utara tanah air.

“Pada saya, kedua-dua ibu bapa merupakan individu yang baik dan cukup disegani kerana ilmu agama

Headline	Akibat terlalu semasa terpaksa sebagai		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Jurnal	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,912

mereka.

“Kami tiga beradik yang kesemuanya perempuan dibesarkan dalam suasana yang penuh kasih sayang, tiada apa yang kurang dalam keluarga kami,” tutur Siti tentang keluarganya.

Dia yang menanam cita-cita untuk menjadi seorang jurutera, bersyukur apabila ditawarkan untuk melanjutkan pengajian di universiti tersebut dalam jurusan kejuruteraan awam.

Gadis berkulit cerah itu teruja untuk berhijrah ke ibu negara dan bergelar sebagai seorang pelajar universiti.

“Saya benar-benar mahu membanggakan kedua-dua ibu bapa dan berjanji akan menjadi seorang pelajar yang cemerlang, seterusnya menjadi seorang jurutera.

“Tetapi, saya akhirnya kalah dengan godaan dan cabaran di kota besar ini,” dedah Siti.

Terjebak

Menurut wanita itu, dia bersama rakan-rakan kuliah sering keluar sehingga lewat malam dan diperkenalkan dengan ramai rakan baharu yang rata-ratanya cukup gemar bersosial.

“Pada mulanya, kami hanya melepak di kedai mamak dan pusat-pusat karaoke, namun selenas itu kami sudah mula

memberanikan diri untuk cuba berhibur di kelab malam dan amat sukakan aktiviti itu.

“Di sana, saya akui berkenalan dengan ramai rakan baharu dan mula tahu gaya hidup di Kuala Lumpur termasuklah menjadi *call girl*.

“Pendapatan lumayan selain kerja yang mudah menyebabkan saya tertarik dan kemudian menjadi ketagih untuk meniduri ramai lelaki bukan hanya kerana duit tetapi juga untuk memuaskan nafsu sendiri,” ujar Siti.

Siti tanpa segan silu mengakui, dia menjadi semakin seronok dan mudah sahaja bersetuju apabila

lelaki-lelaki tidak dikenali berminat untuk menidurinya.

Setiap kali menerima bayaran pula, gadis itu akan berbelanja mewah dengan membeli pakaian serta beg tangan berjenama sehingga dia dicemburui rakan-rakan sekuliah.

Kehidupan yang serba mewah mengaburi mata Siti, menjadikan gadis itu semakin terbuai dengan keseronokan dunia.

Kata orang, langit itu tidak selalunya cerah dan kemewahan dunia yang dibangga-banggakan Siti menjadi tidak bermakna apabila dia mula jatuh sakit.

Semasa baru berusia 21 tahun, Siti disahkan menghidap HIV positif.

“Saya mula sedar berat badan saya turun dengan drastik. Selain itu, saya cepat benar berasa penat biarpun tanpa melakukan aktiviti berat. Selepas diperiksa doktor, saya disahkan menghidap HIV.

“Pada waktu itu, saya terus terkenangkan semua dosa silam serta semua lelaki yang sudah saya tiduri dan penyakit itu pastinya kerana aktiviti seks bebas yang diamalkan.

“Akibat terlalu tertekan, saya menjadi murung sehingga dua bulan lamanya. Saya tidak makan, tidak mahu minum dan tidak mahu berjumpa sesiapa pun. Hari-hari saya hanya habiskan dengan menangis sehinggalah saya tertidur,” ujar Siti.

Gadis kuning langsung itu berkata, dia terlalu takut untuk memberitahu tentang penyakitnya kepada ibu bapa di kampung.

Begitu pun, ia akhirnya sampai juga ke pengetahuan ibu bapa Siti selepas mereka mengesan perubahan fizikal yang cukup ketara pada tubuh gadis itu.

Dibuang keluarga

Lebih memilukan, kedua-dua ibu bapa Siti terlalu marah sehingga

Headline	Akibat terlalu semasa terpaksa sebagai		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	25 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Jurnal	Circulation	197,202
Page No	51	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,912

sanggup mengusirnya daripada rumah mereka.

“Bayangkan, ibu bapa sendiri sanggup mengusir saya kerana terlalu jijik dengan penyakit HIV ini. Namun, saya tidak menyalahkan mereka kerana sedar semuanya adalah kesilapan sendiri,” luah Siti penuh penyesalan.

Kini, gadis itu menghabiskan sisa hidupnya di Rumah Sahabat yang diwujudkan oleh Yayasan AIDS Malaysia serta Majlis AIDS Malaysia.

“Di sini, ramai kawan yang mengalami nasib sama seperti saya, mereka juga disisihkan keluarga. Buat masa ini, hanya adik bongsu sahaja yang sudi menjenguk saya,” keluh Siti.

Siti kini mula mendekati diri kepada Tuhan dan tidak pernah berhenti berdoa agar kedua-dua ibu bapanya memaafkannya satu hari nanti.

“Sejujurnya, tiada apa lagi yang diharapkan selain keampunan daripada kedua-dua ibu bapa saya dan berharap sangat agar di saat kematian nanti, saya berada dalam dakapan mereka,” ujar gadis itu mengakhiri perbualan.

